



Penularan COVID-19

# Seorang ketua kesihatan jaga 50 jemaah haji

## Arab Saudi mahu pastikan langkah pencegahan wabak dipatuhi

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Arab Saudi akan menugaskan seorang ketua kesihatan bagi setiap 50 jemaah pada musim haji tahun ini.

Berdasarkan kenyataan di laman web untuk media sempena haji tahun ini, pihak berkenaan berkata, langkah itu bagi memastikan pematuan semua langkah bagi menangani COVID-19.

Setiap ketua berkenaan bertanggungjawab memastikan semua jemaah dalam kumpulannya mengikuti langkah pencegahan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Ini termasuk penjarakan sosial dan aturan pergerakan di kawasan tertentu bertujuan untuk memastikan keselamatan dan keselesaan jemaah.

Ibadah haji yang bermula hari ini menyaksikan pelaksanaannya sepanjang lima hari dilakukan pada skala lebih kecil berikutan ancaman COVID-19, yang mendorong Kerajaan Arab Saudi menghadkan jumlah jemaah.

Tahun ini, hanya sekitar 10,000 jemaah berada di kota suci itu sekarang, jauh lebih kecil berbanding 2.5 juta jemaah dari seluruh dunia pada tahun lalu.

Pengarah Keselamatan Awam Arab Saudi, Khalid bin Qarar Al-Harbi, berkata tiada masalah berkaitan keselamatan ketika ibadah haji dan pengurangan jumlah jemaah bertujuan melindungi mereka daripada ancaman wabak.

"Jemaah haji diwajibkan memakai pelitup muka dan mematuhi penjarakan sosial ketika melakukan wukuf, tawaf dan upacara keagamaan lain sepanjang lima hari di Makkah dan beberapa lokasi lain.

"Mereka juga diwajibkan menjalani pemeriksaan suhu dan perlu ditempatkan dalam kuarantin sejak mereka mulai memasuki Makkah pada hujung minggu lalu," katanya.

Media antarabangsa melaporkan, pekerja kesihatan melakukan sanitasi beg jemaah dan masing-masing diberi gelang elektronik bagi membolehkan pihak berkuasa menjejaki lokasi mereka.

Seluruh dan sekitar Kaabah di Masjidil Haram yang ditutup dengan kain kiswah dibersihkan dengan rapi, yang menjadi lokasi di mana umat Islam dari seluruh dunia berdoa.

Pihak berwajib pengurusan haji sudah menutup Kaabah tahun ini, menegaskan jemaah haji tidak akan dibenarkan menyentuhnya untuk membendung kemungkinan berlanjutan.

Pihak berkuasa juga dilaporkan menyediakan banyak kemudahan kesihatan, klinik bergerak dan ambulans sebagai persediaan awal bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Wakil media asing juga dilarang menunaikan haji tahun ini, yang lazimnya menjadi acara media global yang besar, kerana kerajaan memperketatkan kemasukan ke Makkah.

AGENSI